

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

ZSE 262/3 Geologi II

Masa : (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab ENAM soalan sahaja.  
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia

1. Terangkan perbezaan antara proses hakisan dan proses susutan darat (mass wasting). Huraikan 3 (tiga) contoh daripada setiap satu proses. (100/100)
  
2. Terangkan dan/atau lakarkan (dilengkapi lebel) perkara berikut:
  - (a) Kedudukan aras air tanah terhadap mata air artois. (25/100)
  
  - (b) Bagaimana sebuah perigi air tawar berhampiran tepi laut boleh bertukar kepada perigi air payau atau air masin. (50/100)
  
  - (c) Contoh bagaimana boleh terjadi pencemaran air tanah. (25/100)
  
3. Jelaskan konsep tektonik keping berdasarkan perkara yang disebut:
  - (a) Mekanisme pergerakan keping litosfera (apa petunjuk-petunjuknya?) (30/100)
  
  - (b) Jenis sempadan keping litosfera (apa ciri-ciri geofiziknya?) (40/100)
  
  - (c) Jenis lembangan enapan yang boleh wujud pada sempadan menumpu. (30/100)

4. Kepelbagaian jenis gunung berapi dan batuan yang dikeluarkannya dikawal oleh proses-proses tektonik keping. Beri penjelasan mengenai pernyataan ini dan bincang jenis-jenis volkano. (100/100)
  
5. Bincang segi-segi geologi yang berkait dengan salah satu struktur, sama ada:
  - Zon sesar mendatar, atau
  - Banjaran lipatan. (100/100)
  
6. Pembentukan hidrokarbon memerlukan sejumlah syarat tertentu dipenuhi. Dipandang dari segi geologi, syarat-syarat apakah yang terpenuhi sehingga hidrokarbon boleh hadir di Lembangan Melayu, di kawasan Delta Baram (Sarawak) dan di lepas pesisir baratlaut negeri Sabah? Jelaskan jawapan anda. (100/100)
  
7. Buat satu esei mengenai perubahan aras laut selama Kuaterner. Seberapa boleh lengkapi dengan contoh dari rantau Asia Tenggara. (100/100)

- ooo00ooo -